



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019





MAJLIS PERBANDARAN
KEMAMAN

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

Kandungan

Perkara	Muka surat
Sijil Ketua Audit Negara	i - iii
Penyata oleh Majlis	1
Akaun Berkanun	2
Lembaran Imbangan	3
Penyata Pendapatan	4 - 6
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	7
Penyata Aliran Tunai	8
Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	9 - 23



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 23 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kemaman pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Kemaman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kemaman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Kemaman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Kemaman.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Kemaman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman memberi gambaran yang saksama.


Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD SHAHRIL BIN YAHYA)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUALA TERENGGANU

2 SEPTEMBER 2020





PENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
KE ATAS PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Kami, **JUSMAN BIN IBRAHIM** dan **HAJI WAN ALI BIN WAN YUSOF**, yang merupakan Yang Dipertua dan Ahli Majlis bagi MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis berikut resolusi Majlis

JUSMAN BIN IBRAHIM
YANG DIPERTUA

HAJI WAN ALI BIN WAN YUSOF
AHLI MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
JALAN AIR PUTIH
24000 KEMAMAN
TERENGGANU DARUL IMAN



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

Saya, **CHE KU DAYLAH BINTI CHE KU ABDULLAH (No. K/P: 731104-11-5048)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai beserta dengan nota-nota di dalamnya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama yang tersebut di)
atas, di Kemaman dalam Terengganu)
Darul Iman pada **19.08.2020**)

CHE KU DAYLAH BINTI CHE KU ABDULLAH

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	79,882,493	119,636,042
Hartanah Pelaburan	5	59,149,806	-
Aset Tak Ketara	6	696,139	-
Kerja Dalam Pelaksanaan	7	1,066,547	4,246,533
		<u>140,794,985</u>	<u>123,882,575</u>
ASET SEMASA			
Akaun Belum Terima	8	17,182,087	26,081,592
Pinjaman Kepada Kakitangan	9	1,850,089	1,624,102
Pendahuluan Diri dan Deposit	10	64,732	56,232
Lain-lain Belum Terima	11	1,381,500	444,718
Cukai Input	12	1,618,376	2,245,628
Simpanan Tetap	13	6,975,321	5,816,026
Baki Tunai dan di Bank	13	7,938,742	10,979,588
		<u>37,010,847</u>	<u>47,247,886</u>
JUMLAH ASET		<u>177,805,832</u>	<u>171,130,461</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Hasil		75,196,867	89,101,301
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	14	1,900,000	1,900,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	15	150,000	150,000
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	16	150,000	150,000
Kumpulan Wang Modal Pusingan		10,000	10,000
		<u>77,406,867</u>	<u>91,311,301</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Bantuan Dari Kerajaan	17	31,636,273	8,794,767
Pinjaman Kerajaan Negeri	18	1,005,484	3,782,500
		<u>32,641,757</u>	<u>12,577,267</u>
LIABILITI SEMASA			
Akaun Belum Bayar		718,967	2,231,638
Pinjaman Kerajaan Negeri	18	50,651,259	47,927,751
Pelbagai Belum Bayar dan Akruan	19	11,081,473	9,419,757
Wang Amanah	20	5,305,509	7,662,747
		<u>67,757,208</u>	<u>67,241,893</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>100,398,965</u>	<u>79,819,160</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>177,805,832</u>	<u>171,130,461</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

NOTA	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN	76,055,941	83,042,899
PERBELANJAAN	<u>(89,960,375)</u>	<u>(77,002,728)</u>
(KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN	(13,904,434)	6,040,171
PELARASAN	-	<u>822,516</u>
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN	<u>(13,904,434)</u>	<u>6,862,687</u>

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	NOTA	2019	2018
		RM	RM
PENDAPATAN			
Cukai Langsung		<u>54,152,232</u>	<u>53,614,939</u>
<u>HASIL BUKAN CUKAI</u>			
Lesen dan Permit		3,125,283	2,076,267
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan		2,170,957	2,407,398
Perolehan Daripada Jualan Barang		164,579	343,113
Sewaan		5,260,855	7,685,851
Faedah & Perolehan Daripada Pelaburan	21	376,993	10,311,182
Denda dan Hukuman		765,359	761,566
		<u>11,864,026</u>	<u>23,585,377</u>
<u>TERIMAAN BUKAN HASIL</u>			
Terimaan Daripada Kerajaan	22	8,848,059	4,621,523
Pelunasan Pemberian Kerajaan		1,158,420	1,178,220
Lain-Lain Pendapatan		33,204	42,840
		<u>10,039,683</u>	<u>5,842,583</u>
JUMLAH HASIL			
		<u>76,055,941</u>	<u>83,042,899</u>
PERBELANJAAN			
<u>EMOLUMEN</u>			
Gaji dan Upahan		12,161,945	12,317,230
Elaun dan Lain-Lain Habuan Wang		3,535,811	3,514,245
Tabung Pencen dan KWSP		2,035,407	2,009,404
Elaun Lebihmasa		1,253,297	981,796
Lain-Lain Bayaran Balik		13,657	670
		<u>19,000,117</u>	<u>18,823,345</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA	2019 RM	2018 RM
<u>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</u>		
Bayaran Juruaudit	14,306	14,306
Perjalanan dan Pengangkutan Orang	708,225	855,950
Perhubungan dan Utiliti	3,257,385	3,303,418
Sewaan	275,937	274,685
Bekalan Bahan-Bahan	1,710,304	1,790,749
Penyelenggaraan dan Pembaikian	6,068,822	4,912,492
Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-Lain		
Perkhidmatan Yang Dibeli dan Hospitaliti	35,555,121	33,996,281
	47,590,100	45,147,881
<u>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN/INFRASTRUKTUR</u>		
Jalan	187,241	339,642
Pencahayaan	633,089	392,021
Landskap	632,329	246,687
Longkang dan Saliran	517,832	401,281
	1,970,491	1,379,631
<u>LAIN-LAIN PERBELANJAAN</u>		
Kemudahan dan Pembangunan Kemudahan	31,300	83,528
Kempen dan belanja kakitangan	531,371	567,061
Susutnilai	9,529,653	9,536,734
Hapuskira	23	10,281,642
Sumbangan, Cukai dan Insuran	1,025,701	999,104
Cukai Barang dan Perkhidmatan	-	411,991
Peruntukan Hutang Ragu	-	52,973
	21,399,667	11,651,871
JUMLAH PERBELANJAAN	89,960,375	77,002,728
(KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN	(13,904,434)	6,040,171

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN WANG HASIL RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN	KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER	KUMPULAN WANG PENDAHULUAN DIRI	JUMLAH RM
	RW	RW	RW	RW
Pada 1/1/2018	82,238,614	1,900,000	150,000	150,000
Pelarasan dalam tahun	822,516	-	-	-
Lebihan bersih bagi tahun	6,040,171	-	-	-
 Pada 31/12/2018	 89,101,301	 1,900,000	 150,000	 150,000
 Pada 1/1/2019	 89,101,301	 1,900,000	 150,000	 150,000
Pelarasan dalam tahun	-	-	-	-
Kurangan bersih bagi tahun	(13,904,434)	-	-	-
 Pada 31/12/2019	 75,196,867	 1,900,000	 150,000	 150,000

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan bersih bagi tahun	(13,904,434)	6,862,687
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	9,529,653	9,536,734
Peruntukan Hutang Ragu	-	52,973
Pelarasan dan hapuskira	10,281,642	(822,036)
Hasil faedah dan keuntungan pelaburan	(376,993)	(10,311,182)
Pelunasan geran	(1,158,420)	(1,178,220)
Tunai daripada operasi	4,371,448	4,140,956
(Tambah)/(Kurangan) dalam belum terima	(1,701,927)	3,677,174
Kurangan dalam belum bayar	(2,206,430)	(2,085,723)
Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi	<u>463,091</u>	<u>5,732,407</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pertambahan harta tanah, loji dan peralatan	(2,347,640)	(260,269)
Pertambahan kerja dalam pelaksanaan	(94,500)	(1,931,910)
Faedah dan keuntungan pelaburan diterima	376,993	261,182
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(2,065,147)</u>	<u>(1,930,997)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pemberian pinjaman kepada kakitangan	(703,263)	(408,226)
Bayaran balik pinjaman daripada kakitangan	477,276	415,587
Pembayaran pinjaman kepada Kerajaan Negeri	(53,508)	(145,465)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>(279,495)</u>	<u>(138,104)</u>
(Kurangan)/Lebihan dalam tunai dan kesetaraan tunai	(1,881,551)	3,663,306
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>16,795,614</u>	<u>13,132,308</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	13	<u>14,914,063</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada amaun dalam lembaran imbalan:		
	2019 RM	2018 RM
Simpanan tetap	6,975,321	5,816,026
Baki tunai	8,800	8,800
Baki di bank	<u>7,929,942</u>	<u>10,970,788</u>
	<u>14,914,063</u>	<u>16,795,614</u>

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

Majlis Daerah Kemaman ditubuhkan pada 1 Januari 1981 dan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kemaman pada 1 Januari 2002. Kegiatan-kegiatan utama Majlis adalah menyediakan kemudahan-kemudahan awam dan rekreasi serta memelihara keselamatan awam, mengadakan perancangan dan pembangunan tempatan yang tersusun dan seimbang serta menjalankan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi. Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama Majlis pada tahun kewangan ini.

Jumlah kakitangan Majlis pada akhir tahun kewangan adalah 474 (2018: 477) orang.

2. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Majlis adalah bertujuan memastikan Majlis menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada Majlis dan pihak awam. Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasi Majlis dengan lancar. Pihak Majlis membayai operasi-operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman. Pihak Majlis tidak melabur di dalam saham disebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(a) Risiko Kredit

Risiko kredit dikawal dengan prosedur memantau yang berterusan. Pihak Majlis mengamalkan kawalan sederhana dalam memastikan hasil tertunggak lebih dari setahun dikenakan tindakan.

(b) Risiko Mudah Tunai

Pihak Majlis mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(c) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, akaun belum terima, lain-lain belum terima, akaun belum bayar dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang berjangka pendek.



3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah yang diubahsuai dengan penilaian semula hartaanah dan mematuhi piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

(b) Peralihan Kepada MPERS

Penyata kewangan Majlis disediakan selaras dengan MPERS. Tarikh peralihan Majlis adalah pada 1 Januari 2015. Majlis menyediakan baki pembuka penyata kedudukan kewangan MPERS pada tarikh tersebut.

Majlis telah menggunakan semua pengecualian mandatori daripada aplikasi retrospektif penuh MPERS. Sebelum ini, Majlis membentangkan penyata kewangan menggunakan Piawaian Pelaporan Bagi Entiti Persendirian (“PERS”).

Majlis juga telah memilih untuk menerima pakai awal pindaan terhad yang dikeluarkan oleh MASB, yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017.

Peralihan kepada MPERS ini tidak mempunyai kesan ketara keatas kedudukan kewangan yang dilaporkan, prestasi kewangan dan aliran tunai Majlis.

(c) Pengiktirafan Pendapatan

- (i) Pendapatan daripada cukai langsung diambilkira daripada cukai taksiran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa.
- (ii) Pendapatan daripada lesen dan permit diambilkira daripada lesen dan permit yang diterima dalam tahun kewangan semasa.
- (iii) Pendapatan daripada perkhidmatan dan sewaan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.
- (iv) Pendapatan daripada faedah dalam pelaburan kovenisional diambilkira mengikut bahagian masa yang terlibat dalam menghasilkan pendapatan manakala perolehan dari pelaburan Al-Mudharabah diambilkira pada masa keuntungan diterima apabila tamat tempoh matang.
- (v) Pendapatan daripada denda dan hukuman diiktiraf apabila hasilnya diterima oleh Majlis.
- (vi) Bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi membayai perbelanjaan mengurus diiktiraf sebagai hasil apabila diterima.



(d) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas. Tanah pegang pajak disusutnilaikan di sepanjang jangkamasa pajakan.

Bagi kesemua hartaanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai diperuntukkan atas kos setiap aset dengan ansuran tahunan yang sama sepanjang anggaran usia kegunaannya. Susutnilai bagi perolehan dalam setengah tahun pertama dikira penuh untuk setahun manakala perolehan dalam setengah tahun kedua, susutnilai akan diambilkira dalam tahun berikutnya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Bangunan	5 – 10%
Kenderaan bermotor	10%
Perabut dan kelengkapan	20%

(e) Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartaanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartaanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartaanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartaanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Selepas pengiktirafan awal, hartaanah pelaburan yang mana nilai saksama dapat diukur tanpa kos atau usaha yang tidak munasabah secara berterusan akan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama adalah berdasarkan penilaian oleh penilai bebas dan/atau penilai dalaman berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional diiktiraf yang bersesuaian dan pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori hartaanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tahun kewangan di mana ia berlaku.

Manakala bagi hartaanah pelaburan yang mana nilai saksama tidak dapat diukur tanpa kos atau usaha yang tidak munasabah, hartaanah pelaburan tersebut akan diiktiraf pada kos ditolak dengan susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Susutnilai hartaanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutnilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartaanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.



(f) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

(g) Kerja Dalam Pelaksanaan

Kos pembangunan yang berkaitan dengan aset tetap dalam Kerja Dalam Pelaksanaan akan dipermodalkan sebagai aset apabila kerja siap sepenuhnya.

(h) Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima adalah termasuk jumlah hutang ke atas penghutang penyewaan aset yang dinyatakan setelah ditolak dengan Peruntukan Hutang Ragu pada kadar yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

<u>Tempoh Hutang</u>	<u>% Yang Dianggarkan Ragu</u>
Lebih 1 tahun dan kurang 2 tahun	5
Lebih 2 tahun dan kurang 3 tahun	10
Lebih 3 tahun dan kurang 4 tahun	15
Lebih 4 tahun	20

(i) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank dan simpanan tetap. Pihak Majlis menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.



(j) Geran Pelancaran dan Bantuan Daripada Kerajaan

Perolehan daripada Geran Pelancaran dan Bantuan Daripada Kerajaan untuk pembelian harta tanah, loji dan peralatan diambil kira sebagai kumpulan wang dan dilunaskan sebagaimana peruntukan susut nilai harta tanah, loji dan peralatan berkenaan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah RM	Bangunan RM	Kenderaan bermotor RM	Peralatan & Kelengkapan RM	Jumlah RM
2019					
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari 2019	18,346,404	191,701,038	15,396,648	13,711,350	239,155,440
Tambahan	-	28,875,371	-	615,180	29,490,551
Pelupusan	-	-	(851,000)	(3,416,026)	(4,267,026)
Pindahan	-	(108,474,403)	-	(1,916,498)	(110,390,901)
Pada 31 Disember 2019	18,346,404	112,102,006	14,545,648	8,994,006	153,988,064
Dinyatakan:					
Pada Kos	18,346,404	110,429,508	14,545,648	8,994,006	152,315,566
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	18,346,404	112,102,006	14,545,648	8,994,006	153,988,064
Susut nilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2019	568,204	93,111,349	13,484,086	12,355,759	119,519,398
Tambahan	95,517	8,456,228	419,905	558,003	9,529,653
Pelupusan	-	-	(850,999)	(3,416,025)	(4,267,024)
Pindahan	-	(49,324,597)	-	(1,351,859)	(50,676,456)
Pada 31 Disember 2019	663,721	52,242,980	13,052,992	8,145,878	74,105,571
Dinyatakan:					
Pada Kos	663,721	50,570,482	13,052,992	8,145,878	72,433,073
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	663,721	52,242,980	13,052,992	8,145,878	74,105,571
Nilai Buku Bersih	17,682,683	59,859,026	1,492,656	848,128	79,882,493



	Tanah RM	Bangunan RM	Kenderaan bermotor RM	Peralatan & Kelengkapan RM	Jumlah RM
2018					
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari 2018	12,069,404	187,928,038	16,989,554	13,383,065	230,370,061
Tambahan	6,277,000	3,773,000	123,819	329,450	10,503,269
Pelupusan	-	-	(1,716,725)	(1,165)	(1,717,890)
Pada 31 Disember 2018	<u>18,346,404</u>	<u>191,701,038</u>	<u>15,396,648</u>	<u>13,711,350</u>	<u>239,155,440</u>
Dinyatakan:					
Pada Kos	18,346,404	190,028,540	15,396,648	13,711,350	237,482,942
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	<u>18,346,404</u>	<u>191,701,038</u>	<u>15,396,648</u>	<u>13,711,350</u>	<u>239,155,440</u>
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2018	472,687	84,617,505	14,832,471	11,776,709	111,699,372
Tambahan	95,517	8,493,844	368,323	579,050	9,536,734
Pelupusan	-	-	(1,716,708)	-	(1,716,708)
Pada 31 Disember 2018	<u>568,204</u>	<u>93,111,349</u>	<u>13,484,086</u>	<u>12,355,759</u>	<u>119,519,398</u>
Dinyatakan:					
Pada Kos	568,204	91,438,851	13,484,086	12,355,759	117,846,900
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	<u>568,204</u>	<u>93,111,349</u>	<u>13,484,086</u>	<u>12,355,759</u>	<u>119,519,398</u>
Nilai Buku Bersih	17,778,200	98,589,689	1,912,562	1,355,591	119,636,042

- (a) Penilaian semula hartaanah dilakukan pada 21.11.1991 berdasarkan harga pasaran hartaanah tersebut. Lebihan yang timbul daripada penilaian semula telah ditunjukkan sebagai Kumpulan Wang Hasil dalam penyata kewangan pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 1992.

5. HARTANAH PELABURAN

	2019	2018
	RM	RM
Kos		
Pada 1 Januari	-	-
Pindahan daripada Hartanah, Loji dan Peralatan	108,474,403	-
Pada 31 Disember	<u>108,474,403</u>	-
Susutnilai Terkumpul		
Pada 1 Januari	-	-
Pindahan daripada Hartanah, Loji dan Peralatan	49,324,597	-
Pada 31 Disember	<u>49,324,597</u>	-
Nilai Buku Bersih	59,149,806	-

6. ASET TAK KETARA

	2019	2018
	RM	RM
Kos		
Pada 1 Januari	-	-
Pindahan daripada Hartanah, Loji dan Peralatan	1,916,498	-
Pindahan daripada Kerja Dalam Pelaksanaan	131,500	-
Pada 31 Disember	<u>2,047,998</u>	-
Susutnilai Terkumpul		
Pada 1 Januari	-	-
Pindahan daripada Hartanah, Loji dan Peralatan	1,351,859	-
Pada 31 Disember	<u>1,351,859</u>	-
Nilai Buku Bersih	696,139	-



7. KERJA DALAM PELAKSANAAN

	2019 RM	2018 RM
Kerja dalam pelaksanaan:		
Baki pada 1 Januari	4,246,533	2,507,623
Tambahan dalam tahun	94,500	1,931,910
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(3,142,986)	(193,000)
Pindahan ke Aset Tak Ketara	(131,500)	-
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	<hr/> <u>1,066,547</u>	<hr/> <u>4,246,533</u>

8. AKAUN BELUM TERIMA

	2019 RM	2018 RM
Cukai Taksiran	10,704,765	20,005,512
Sewaan	<hr/> <u>6,477,322</u>	<hr/> <u>6,076,080</u>
	<hr/> <u>17,182,087</u>	<hr/> <u>26,081,592</u>

9. PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN

Pinjaman kepada kakitangan terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
(a) Pinjaman kenderaan (Nota 14)	1,806,743	1,565,323
(b) Pinjaman komputer (Nota 15)	<hr/> <u>43,346</u>	<hr/> <u>58,779</u>
	<hr/> <u>1,850,089</u>	<hr/> <u>1,624,102</u>

- (a) Pinjaman kenderaan adalah bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik dalam tempoh tiga hingga sembilan tahun.
- (b) Pinjaman komputer adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik dalam tempoh maksima empat tahun.

10. PENDAHULUAN DIRI DAN DEPOSIT

Pendahuluan Diri dan Deposit terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Pendahuluan diri dan pelbagai (Nota 16)	62,429	14,929
Deposit pelbagai	17,232	56,232
	<hr/>	<hr/>
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	79,661	71,161
	(14,929)	(14,929)
	<hr/>	<hr/>
	64,732	56,232
	<hr/>	<hr/>

Pendahuluan diri adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik dalam tempoh sebulan.

11. LAIN-LAIN BELUM TERIMA

Lain-lain Belum Terima adalah terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Ter hutang daripada bekas kakitangan	73,930	91,880
Ter hutang bagi cukai rumah kediaman	1,345,614	-
Ter hutang daripada penyewa (bil elektrik)	-	390,882
	<hr/>	<hr/>
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	1,419,544	482,762
	(38,044)	(38,044)
	<hr/>	<hr/>
	1,381,500	444,718
	<hr/>	<hr/>

12. CUKAI INPUT

Cukai Input adalah diambil kira daripada 6% cukai barang dan perkhidmatan yang dikenakan ke atas perolehan barang dan perkhidmatan setelah ditolak cukai output yang dikenakan ke atas kutipan hasil yang berkaitan. Cukai barang dan perkhidmatan ini dikenakan bermula dari 1 April 2015.

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	2,245,628	1,307,580
Cukai Input dalam tahun	-	1,397,745
Cukai Output dalam tahun	-	(224,932)
	<hr/>	<hr/>
Terimaan dan pelarasan	2,245,628	2,480,393
	(627,252)	(234,765)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember	1,618,376	2,245,628
	<hr/>	<hr/>



13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Simpanan Tetap dengan institusi kewangan berlesen	<u>6,975,321</u>	<u>5,816,026</u>
Tunai	8,800	8,800
Akaun Semasa di bank berlesen	7,886,453	10,878,839
Akaun Simpanan - i	43,489	91,949
	<u>7,938,742</u>	<u>10,979,588</u>
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	<u>14,914,063</u>	<u>16,795,614</u>

14. KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN

	2019 RM	2018 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	1,565,323	1,567,594
Dikeluarkan dalam tahun	672,856	369,226
Dibayar balik dalam tahun	(431,436)	(369,737)
Pelarasan dalam tahun	-	(1,760)
Baki pada 31 Disember (Nota 9)	<u>1,806,743</u>	<u>1,565,323</u>
Kumpulan Wang belum digunakan	<u>93,257</u>	<u>334,677</u>
	<u>1,900,000</u>	<u>1,900,000</u>

15. KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER

	2019 RM	2018 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	58,779	66,109
Dikeluarkan dalam tahun	30,407	39,000
Dibayar balik dalam tahun	(45,840)	(45,850)
Pelarasan dalam tahun	-	(480)
Baki pada 31 Disember (Nota 9)	<u>43,346</u>	<u>58,779</u>
Kumpulan Wang belum digunakan	<u>106,654</u>	<u>91,221</u>
	<u>150,000</u>	<u>150,000</u>

16. KUMPULAN WANG PENDAHULUAN DIRI

	2019 RM	2018 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	14,929	15,929
Dikeluarkan dalam tahun	51,500	62,924
Bayaran balik dan pelarasan dalam tahun	(4,000)	(63,924)
Baki pada 31 Disember (Nota 8)	<u>62,429</u>	<u>14,929</u>
Kumpulan Wang belum digunakan	<u>87,571</u>	<u>135,071</u>
	150,000	150,000

17. BANTUAN DARI KERAJAAN

Jumlah ini merupakan nilai harta tanah, loji dan peralatan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan telah diambil kira sebagai harta Majlis, sebagaimana berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Dari Kerajaan Negeri, pada kos:		
Kenderaan	5,919,000	5,919,000
Bangunan	22,279,372	18,279,446
Peralatan dan Kelengkapan	20,820	20,820
	<u>28,219,192</u>	<u>24,219,266</u>
Dari Kerajaan Persekutuan, pada kos:		
Kenderaan	290,948	290,948
Bangunan	22,002,979	2,002,979
	<u>22,293,927</u>	<u>2,293,927</u>
Jumlah Bantuan Dari Kerajaan	50,513,119	26,513,193
Dipindahkan ke Akaun Hasil	<u>(18,876,846)</u>	<u>(17,718,426)</u>
	31,636,273	8,794,767

Pelunasan pemberian kerajaan dalam tahun kewangan semasa adalah RM1,158,420 (2018: RM1,178,220).



18. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Pinjaman Kerajaan Negeri diperoleh daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi membiayai projek berikut:

	2019 RM	2018 RM
(a) Pembinaan 124 lot rumah kedai/pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir	23,156,747	23,210,255
(b) Penebusan gadaijanji tanah No. Lot PT10111, H.S.(M) 10115 dan 88 unit lot di atas bangunan Kemaman Centre Point (KCP Fasa 2)	9,166,664	9,166,664
(c) Pembinaan Pasaraya Giant (Kijal Mall) di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir	<u>19,333,332</u>	<u>19,333,332</u>
	<u>51,656,743</u>	<u>51,710,251</u>
Dibayar dalam tempoh 12 Bulan	50,651,259	47,927,751
Dibayar selepas 12 bulan	<u>1,005,484</u>	<u>3,782,500</u>
	<u>51,656,743</u>	<u>51,710,251</u>

(a) Pinjaman ini diperoleh pada bulan Julai 2009 dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 10 tahun selepas tempoh tangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Jun 2011.

(b) Pinjaman ini diperoleh pada bulan Ogos 2009 dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun selepas tempoh tangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Ogos 2011.

(c) Pinjaman ini terdiri dari dua fasa iaitu:

(i) Fasa 1 Pinjaman sebanyak RM15.0 juta dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun selepas tempoh tangguhan selama 1 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Oktober 2011.

(ii) Fasa 2 Pinjaman tambahan sebanyak RM6.0 juta diperoleh dalam tahun 2011 dengan kadar faedah 4.0% bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun. Sehingga kini belum ada perjanjian rasmi ditandatangani bagi pinjaman ini.

19. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN

Pelbagai Belum Bayar dan Akruan terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Wang Jaminan Pelaksanaan (5%)	44,032	5,445
Terimaan Terdahulu	1,362,553	265,331
Cagaran Diterima (nota a)	<u>9,674,888</u>	<u>9,148,981</u>
Baki pada 31 Disember	<u>11,081,473</u>	<u>9,419,757</u>

(a) Cagaran Diterima

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	9,148,981	8,865,826
Diterima dalam tahun	1,177,677	959,788
Dibayar balik dalam tahun	<u>(640,622)</u>	<u>(675,663)</u>
Pelarasan	<u>9,686,036</u>	<u>9,149,951</u>
Baki pada 31 Disember	<u>9,674,888</u>	<u>9,148,981</u>

Cagaran Diterima merupakan wang yang diterima atau dipegang sebagai cagaran bagi maksud lesen, papan tanda, sewa premis, sisa binaan, selenggara landskap, sewa petak letak kereta dan sebagainya. Bayaran balik akan dibuat apabila ada tuntutan daripada pihak berkenaan.

20. WANG AMANAH

Wang Amanah diterima daripada pelbagai agensi bagi melaksanakan sesuatu projek atau program. Wang ini digunakan untuk pembayaran kepada pemaju, pembekal dan pihak-pihak berkenaan yang ditentukan. Wang Amanah ini terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
(a) Amanah Projek	4,252,461	6,687,979
(b) Amanah PPKB	-	61,720
(c) Amanah MPK	4,432	4,432
(d) Amanah Tempat Letak Kereta	<u>1,048,616</u>	<u>908,616</u>
	<u>5,305,509</u>	<u>7,662,747</u>



(a) Amanah Projek

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	6,687,979	6,473,252
Diterima dalam tahun	5,837,091	3,134,319
Dibayar dalam tahun	(2,034,488)	(2,919,626)
Pelarasan	<u>(6,238,121)</u>	34
 Baki pada 31 Disember	<u>4,252,461</u>	<u>6,687,979</u>

(b) Amanah PPKB

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	61,720	54,774
Diterima dalam tahun	-	377,000
Dibayar dalam tahun	<u>(61,720)</u>	<u>(370,054)</u>
 Baki pada 31 Disember	-	61,720

Amanah PPKB merupakan caruman yang diterima daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diagihkan kepada penerima caruman di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan e-Kasih.

(c) Amanah MPK

Amanah MPK merupakan satu tabung yang ditubuhkan bagi merekodkan sumbangan yang diterima oleh Majlis bagi program/maksud tertentu seperti sumbangan kepada Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman.

(d) Amanah Tempat Letak Kereta

Amanah Tempat Letak Kereta merupakan bayaran yang diterima daripada sesebuah pembangunan projek yang tidak dapat menyediakan tempat letak kereta sebagaimana sepatutnya. Wang Amanah ini akan digunakan oleh Majlis bagi menyediakan tempat letak kereta di dalam kawasan Majlis.

21. FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN


	2019 RM	2018 RM
Hibah daripada simpanan semasa	61,508	50,163
Hibah daripada pelaburan am	230,542	208,789
Hasil keuntungan lain	84,943	2,230
Perolehan daripada pelaburan usahasama	-	10,050,000
	<hr/>	<hr/>
	376,993	10,311,182

22. TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN

	2019 RM	2018 RM
Geran Tahunan	2,614,798	2,614,798
Peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi membentuk perbelanjaan mengurus termasuk kontrak perkhidmatan pembersihan kawasan	<u>6,233,261</u>	<u>2,006,725</u>
	8,848,059	4,621,523

23. HAPUSKIRA

Hapuskira dalam tahun merupakan hapuskira tunggakan cukai taksiran bagi rumah kediaman bagi tahun-tahun lepas sehingga tahun 2018. Bermula pada tahun 2019, cukai taksiran bagi rumah kediaman dituntut daripada Kerajaan Negeri.



Jalan Air Putih, 24000 Kemaman,
Terengganu, Malaysia
Tel : +609-859 7777